



2022



LAPORAN TAHUNAN

MAJLIS DAERAH KAMPAR



LAPORAN TAHUNAN MAJLIS DAERAH KAMPAR 2022

KANDUNGAN

Pengenalan

- 1** Perutusan Yang Dipertua
- 3** Sejarah Pembentukan
- 5** Peta Kawasan Kampar
- 6** Aktiviti Pelancongan di Kampar
- 9** Senarai Pentadbir
- 11** Carta Organisasi
- 12** Barisan Ketua Jabatan
- 15** Senarai Undang-Undang, Peraturan dan Punca Kuasa
- 17** Peranan
- 18** Visi, Misi dan Objektif Strategik
- 20** Nilai Bersama
- 21** Piagam Pelanggan
- 24** Resolusi Integriti
- 25** Imej Korporat
- 26** Pencapaian
- 36** Senarai Ahli Majlis

Laporan Jabatan

42	Pejabat Yang Dipertua
46	Unit Pusat Setempat (OSC)
60	Unit Undang-Undang
66	Unit Perhubungan Korporat dan Pelancongan
86	Unit Audit Dalam
98	Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia
108	Bahagian Penguatkuasaan
128	Bahagian Sistem Maklumat
136	Jabatan Perancangan dan Pembangunan
152	Bahagian Landskap dan Rekreasi
158	Jabatan Kejuruteraan
182	Jabatan Perbendaharaan
188	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
200	Jabatan Kesihatan Awam



Perutusan Yang Dipertua

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.


Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurniaNya, Majlis Daerah Kampar berjaya menerbitkan Laporan Tahunan Tahun 2022. Selaku Yang Dipertua, saya amat bersyukur di atas keseluruhan pencapaian Majlis Daerah Kampar pada tahun 2022. Ini semua berkat usaha Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan Majlis Daerah Kampar yang disokong oleh pelbagai pihak termasuk daripada warga kerja MDKpr, jabatan/agensi luar dan penduduk Daerah Kampar sendiri.

Pada tahun 2022, Majlis Daerah Kampar komited dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dan memfokuskan kepada pembangunan infrastruktur, ekonomi, pelancongan, alam sekitar, keselamatan dan lain-lain. Alhamdulillah, Majlis Daerah Kampar telah mendapat beberapa pengiktirafan di peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri dan daerah. Tahniah dan syabas saya ucapkan di atas kejayaan-kejayaan ini dan diharap pengiktirafan ini berjaya memberikan impak positif kepada jabatan dan warga kerja serta dapat menunjukkan nilai tambah yang ada dalam Majlis Daerah Kampar.

Meneruskan aspirasi untuk menjadi sebuah PBT terunggul, MDKpr merangka pembangunan bandar hijau agar daerah ini bukan sahaja menjadi sebuah daerah lestari yang ideal untuk didiami, beriadah dan bekerja, malah turut membentuk generasi dan komuniti yang mencintai dan menghargai alam sekitar. Selain itu, MDKpr juga menyediakan infrastruktur yang lebih berkualiti bagi memberi keselesaan kepada penduduk dan pengunjung Daerah Kampar. MDKpr terbuka dalam gerak kerja khususnya melalui kolaborasi strategik di antara agensi awam, swasta dan komuniti. Pelbagai saluran untuk mendengar suara-suara pelanggan diwujudkan di samping menggalakkan penglibatan mereka dalam agenda pembangunan dan modal insan. Terbukti kolaborasi ini telah memberikan impak yang positif kepada hala tuju pembangunan termasuk dalam memperbaharui kawasan-kawasan lama, penyuraian trafik, mempercepatkan perkhidmatan, mengindahkan kawasan, penyusunan semula penjaja dan pengangkutan awam. Transformasi budaya yang dilaksanakan benar-benar memberi kesan terhadap kualiti dan produktiviti sehingga MDKpr terus menjadi sebuah organisasi yang berprestasi tinggi.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua warga kerja MDKpr, komuniti dan rakan-rakan strategik yang sentiasa memberikan sokongan dan komitmen yang tinggi sehingga membawa kepada kejayaan yang dapat kita kecapai pada hari ini.

AHMAD SUQAIRI BIN ALIAS
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kampar



Majlis Daerah Kampar (MDKpr) dahulunya Majlis Daerah Kinta Selatan telah **ditubuhkan pada 1 Disember 1979** apabila berkuatkuasanya **Warta Kerajaan Pk.PU 11 bertarikh 24 Mac 1981**. Dahulunya dikenali sebagai Lembaga Bandaran iaitu cantuman di antara sebuah Lembaga Bandaran (Kampar) dan tiga buah Majlis Tempatan iaitu Gopeng, Jeram dan Malim Nawar.

Nama Majlis Daerah Kinta Selatan telah ditukar kepada **Majlis Daerah Kampar dengan singkatan MDKpr** yang telah diluluskan dalam **Warta Kerajaan Negeri Perak No. 403 bertarikh 25 Februari 2009**. Penukaran ini adalah selaras dengan pengwujudan daerah baru iaitu Daerah Kampar hasil daripada pecahan daerah kecil Gopeng dan Kampar daripada Daerah Kinta. **Perisytiharan Daerah Kampar** telah disiarkan dalam **Warta Kerajaan Negeri Perak No. 586, No. 587 dan No.588 bertarikh 23 April 2009**.


Sejarah **Pembentukan**

Keluasan asal pentadbiran MDKpr ialah kira-kira 10,960 hektar (109.60 km persegi) berdasarkan Pelan Warta P.W 567. Ianya terdiri daripada 2,846.30 hektar (28.46 km persegi) yang merupakan kawasan operasi dengan tumpuan di kawasan pusat-pusat petempatan. Manakala kawasan selebihnya iaitu seluas 8,113.70 hektar (81.13 km persegi) adalah di bawah kawasan kawalan.

MDKpr telah mewartakan peluasan kawasan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 Akta 171, Sub Seksyen 4(3) dengan No. Warta 3114, bertarikh 8 Oktober 2015 melalui Warta Kerajaan Negeri Perak yang diterbitkan pada 5 November 2015 seperti mana Pelan Warta P.W 2131 dan P.W 4171. Dengan itu, keluasan keseluruhan MDKpr yang meliputi keseluruhan Mukim Kampar, Teja dan sebahagian Mukim Sg. Raia, Daerah Kinta dan sebahagian Mukim Chenderiang, Daerah Batang Padang adalah seluas 67,774.017 hektar (677.74 km persegi).

Kawasan MDKpr terletak bersempadanan dengan Negeri Pahang (Timur), Daerah Kinta (Utara dan Barat) dan Daerah Batang Padang (Selatan). Bandar utama bagi Majlis Daerah Kampar ialah Bandar Kampar yang merupakan sebuah Bandar di tepi jalan Persekutuan Ipoh – Kuala Lumpur. Lebuhraya Utara Selatan turut melintasi kawasan ini dengan susur keluarnya ialah Plaza Tol Gopeng. Ia turut dilengkapi dengan kemudahan landasan keretapi yang mengunjur dari Utara ke Selatan dengan stesenya berada di Bandar Kampar.

Peta Kawasan



Aktiviti Pelancongan di Kampar

Daerah Kampar mempunyai banyak tempat pelancongan yang menarik. Antara tempat-tempat menarik yang boleh dikunjungi di sekitar kawasan daerah Kampar ialah Gua Tempurung, Gua Kandu, Muzium Gopeng, Ladang Teh Gaharu Gopeng, Paip Besar Gopeng, Berakit di jeram Sungai Kampar, Muzium Perlombongan Bijih Timah Kinta, *West Lake of Kampar*, *Disney Avenue Agacia Land* Kampar, Menara Jam dan Arca Mendulang Kampar.


Kampar mempunyai produk eko-pelancongan sedia ada yang bertaraf antarabangsa bagi menarik kedatangan pelancong. Walau bagaimanapun, Kampar masih berfungsi sebagai bandar transit kepada pelancong sebelum meneruskan perjalanan ke tempat lain. Oleh itu, usaha bagi mempelbagaikan promosi produk-produk pelancongan perlu diperhebat dan diperkasa di peringkat nasional dan antarabangsa.

Promosi pelancongan daerah Kampar telah dipergiatkan sehingga ke peringkat Antarabangsa melalui *Tourism Promotion Organization for Asia Pacific Cities* (TPO). Usaha mempromosi daerah Kampar ini dijalankan melalui penggunaan teknologi maklumat seperti internet bagi menyebarkan maklumat tentang pelancongan. Penggunaan internet dapat memastikan semua pelancong memperoleh maklumat berguna mengenai destinasi pelancongan menarik dan aktiviti pelancongan di daerah Kampar. Promosi yang giat dapat memastikan semua maklumat pelancongan disebarkan secara berkesan bagi menarik kunjungan pelancong. Tidak terkecuali, MDKpr menggunakan media sosial dalam membuat hebahan bagi tempat-tempat pelancongan yang menarik. Antara media sosial yang digunakan ialah :





Tempat Menarik di
Kampar



Senarai Yang Dipertua

01 Mohd Noor bin Ismail
01.01.1980 – 31.12.1980

02 Ab Aziz bin Ab Rahman
05.01.1981 – 15.10.1986

03 Abd Aziz bin Md Ludin
16.10.1986 – 09.10.1988

Mohamad Rafiai bin Hj. Mokhtar
16.10.1988 – 15.11.1993 **04**

Mohd Fouzi bin Wan Ab. Rahman
16.11.1993 – 30.11.1998 **05**

Abu Zar bin Omar
01.12.1998 – 15.05.2003 **06**

Hj. Rosli bin Abd. Rashid
16.06.2003 – 31.12.2003 **07**

Hasim bin Hasan
01.06.2004 – 01.04.2005 **08**

09 Muhammad bin Musa
02.04.2005 – 15.04.2005

10 Hj. Che Leh bin Che Ali
16.04.2005 – 01.08.2005

11 Abdul Manap bin Ismail
01.10.2005 – 04.11.2007

12 Khairul Anwar bin Ramli
16.01.2008 – 10.08.2008

Ahmad Kamaruzzaman bin Hamzah
11.08.2008 – 02.05.2011 **13**


Hj. Abdul Hakim bin Hj. Ibrahim,
AMP.,PPT 01.07.2011 – 18.02.2014 **14**

Khairul Amir bin Mohamad Zubir, AMP
19.02.2014 – 20.01.2020 **15**

Abdul Halim bin Saad, AMP
01.04.2020 – 31.08.2022 **16**

Ahmad Suqairy bin Alias, AMP., PPT
31.08.2022 – Sehingga kini **17**

Senarai Setiausaha



Carta Organisasi




YANG DIPERTUA N52
Ahmad Suqairy bin Alias, AMP

Setiausaha
Pejabat

Ahli Majlis



SETIAUSAHA N48
Siti Azura Binti Hj. Juki, AMP



Barisan Ketua Jabatan 2022


Yang Dipertua N52

Tn. Ahmad Suqairi bin Alias, AMP, PPT



Setiausaha N48

Pn. Siti Azura binti Hj. Juki, AMP



Jabatan Kejuruteraan
Pn. Rozilla binti Mohamad Som

Jabatan Kesihatan Awam
En. Mohd Izham bin Ahmad

Jabatan Perancangan & Pembangunan
TPr Muhamad Hisham bin Hashim

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
En. Mohamad Hafiz bin Abu

Jabatan Khidmat Pengurusan
Pn. Mahfuzah binti Mokhtar



Jabatan Perbendaharaan
Pn. Nor Syazana binti Amrah @ Omrah

Unit Pusat Setempat
Pn. Norazila binti Ahmad Hamdi

Unit Audit Dalam
En. Muhammad Zulhelmi bin Mohd Salji

Bahagian Penguatkuasaan
En. Mohd Syarafi bin Mohd Said

Bahagian Landskap & Rekreasi
En. Muhammad Muslihuddin bin Jaafar

Bahagian Sistem Maklumat
Pn. Hafiza binti Makri

Pejabat Yang Dipertua
Pn. Nurul Fahana binti Md Bakri



Unit Perhubungan Korporat & Pelancongan
Pn. Khumaizah binti Aziz

Unit Undang-Undang
Pn. Hamishah binti Ahamed

Senarai Undang-undang, Peraturan & Punca Kuasa

1. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Bil	Uuk Dan Kaedah	No Pk.P.U.
1	Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan) (MDKS) Kerajaan Tempatan 1982	Pk.P.U. 25
2	Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MDKS) 1982	Pk.P.U. 26
3	Undang-Undang Kecil Kedai Gunting dan Pedandan Rambut (MDKS) 1982	Pk.P.U. 27
4	Undang-Undang Kecil Penjaja (MDKS) 1982	Pk.P.U. 30
5	Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen untuk Gerai Pasar Awam (MDKS) 1983	Pk.P.U. 28
6	Undang-Undang Kecil Pasar-Pasar (MDKS) 1984	Pk.P.U. 62
7	Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap (MDKS) 1985	Pk.P.U. 45
8	Undang-Undang Kecil Taman (MDKS) 1985	Pk.P.U. 53 Pindaan 2008 Pk.P.U. 3
9	Undang-Undang Kecil Pengawalan dan Pengawasan Tempat-Tempat Makan (MDKS) 1990	Pk.P.U. 15
10	Undang-Undang Kecil Vandalisme (MDKS) 1994	Pk.P.U. 16
11	Undang-Undang Kecil Krematorium (MDKS) 1994	Pk.P.U. 17
12	Undang-Undang Kecil Tandas Awam (MDKS) 1994	Pk.P.U. 18
13	Undang-Undang Kecil Permohonan Maklumat (MDKS) 2000	Pk.P.U. 9
14	Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (MDKS) 2003	Pk.P.U. 13
15	Undang-Undang Kecil Kolam Renang (MDKS) 2005	Pk.P.U. 15
16	Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kereta Persendirian (MDKS) 2007	Pk.P.U. 4
17	Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Daerah Kampar) 2010	Pk.P.U. 14
18	Undang-Undang Kecil Pasar Borong (Majlis Daerah Kampar) 2010	Pk.P.U. 13
19	Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Tatatertib (Majlis Daerah Kampar) 2012	Pk.P.U. 32
20	Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau (Majlis Daerah Kampar) 2012	Pk.P.U. 4
21	Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Daerah Kampar) 2012	Pk.P.U. 4
22	Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Kampar) 2014	Pk. P.U. 5
23	Kaedah-kaedah Pegawai Majlis Daerah Kampar (Kelakuan dan Tatatertib) 2014	Pk. P.U. 4
24	Undang-Undang Kecil Pelesenan, Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Kampar) 2017	Pk. P.U. 4
25	Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Majlis Daerah Kampar) 2018	Pk.P.U. 74/71
26	Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Daerah Kampar) 2018	Pk.P.U. 174/71

2. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)

Bil	Uuk Dan Kaedah	No Pk.P.U.
1	Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (MDKS) 2003	Pk.P.U. 2
2	Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2012	Pk. P.U. 5
3	Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak) Jalan, Parit dan Bangunan 2013	Pk. P.U. 49

3. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

4. Akta Pengangkutan Jalan 1987

Bil	Perintah	No Pk.P.U.
1	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (MDKS) 2000	Pk.P.U. 6 Pindaan 2001 Pk.P.U. 1 Pindaan 2003 Pk.P.U. 5 Pindaan 2005 Pk.P.U. 34 Pindaan 2008 Pk.P.U. 11 Pindaan 2010 Pk.P.U. 43
2	Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (MDKS) 2000	Pk.P.U. 1

5. Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) & Peraturan-peraturan

6. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984

7. Undangan-Undang Kecil yang diwartakan oleh Majlis Daerah Kampar

8. Kaedah/ Perintah yang diwartakan oleh Majlis Daerah Kampar

9. Perintah Am

10. Arahan Perkhidmatan

11. Arahan Perbendaharaan

12. Pekeliling-pekelling Kerajaan Negeri dan Persekutuan

13. Kanun Acara Jenayah

14. Kanun Keseksaan

15. Akta Keterangan

16. Perlembagaan Malaysia

17. Dasar-dasar Majlis Daerah Kampar – Mesyuarat Penuh

18. Pendapat/ Pandangan Undang-undang oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang

Peranan

Sebagai kerajaan di peringkat ketiga dan terhampir dengan rakyat, MDKpr bertanggungjawab melaksanakan 5 peranan utama sebagai teras perkhidmatan kepada rakyat iaitu :-



Memberikan Perkhidmatan Perbandaran Yang Efisien, Dinamik & Berdaya Maju

Mewujudkan Pentadbiran Majlis Daerah Kampar yang berkesan agar perkhidmatan teras Majlis dapat memenuhi kepuasan masyarakat



Merancang Pembangunan Mampan

Merancang dan menyediakan infrastruktur serta kemudahan awam yang berkualiti dan berteknologi tinggi ke arah bandar yang mampu mengekalkan pencapaian dalam pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal secara berterusan



Merancang, Melaksana Dan Mengawal Perniagaan

Memastikan semua peraturan dan kehendak undang-undang dipatuhi oleh semua peniaga yang menjalankan perniagaan dalam kawasan Majlis serta mewujudkan iklim ekonomi yang berdaya saing dan seiring dengan arus pembangunan



Menguruskan Hasil Dan Perbelanjaan Majlis

Bertanggungjawab memastikan semua hasil dan penerimaan direkodkan dan dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan di dalam Arahan Perbendaharaan dan Akta Acara Kewangan 1957 serta Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan dengan bijaksana dan berhemah



Menguatkuasakan Undang-Undang

Melaksanakan peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedia ada secara berkesan mengikut peruntukan yang dibenarkan

Visi

Menjadi peneraju ke arah kawasan perbandaran Kampar yang progresif dan sejahtera menjelang tahun 2025

Melaksanakan dan mengawal selia pembangunan Daerah Kampar bagi mewujudkan persekitaran yang sejahtera dan mampan melalui penyampaian perkhidmatan perbandaran yang inovatif, cepat, tepat dan berintegriti

Misi

Moto

Maju dan Membangun

Objektif Strategik

Tiga (3) Objektif Strategik Utama dikenalpasti bagi membantu MDKpr melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan serta menangani cabaran-cabaran yang berbangkit dalam merealisasikan VISI dan MISI yang ditetapkan.

1




Memperkasakan keupayaan dan kapasiti tadbir urus Majlis bagi meningkatkan tahap kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan

- TS-1 Memantapkan pembangunan organisasi
- TS-2 Memperkasakan tadbir urus MDKpr
- TS-3 Memantapkan sumber hasil MDKpr

Menyediakan prasarana dengan kualiti penyelenggaraan yang memenuhi kehendak masyarakat bagi mempertingkatkan kualiti hidup komuniti

- TS-3 Mempertingkatkan kemudahan infrastruktur awam
- TS-3 Memperkukuhkan pengurusan dan penyelenggaraan aset fasiliti awam



2

3



Memantapkan kolaborasi strategik bagi memudahkan dan melancarkan pembangunan

- TS-5 Memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan
- TS-5 Memperkukuhkan jalinan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program Majlis
- TS-1 Memperkasakan imej Majlis

Nilai Bersama

Warga MDKpr komited dalam mengamalkan 5 prinsip nilai bersama ke arah Visi dan Misi yang ditetapkan ;

Amanah

Menjalankan tugas dengan penuh komitmen, dedikasi dan rasa tanggungjawab selaras dengan akujanji yang telah diikrarkan

Kerja Berpasukan

Menyemai semangat kekitaan, bekerjasama, bertolak-ansur dan sifat setia kawan, dan muafakat tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi

Akauntabiliti

Mempunyai rasa tanggungjawab dan akauntabiliti di dalam segala tindakan dan kelakuan

Berdisiplin

Sentiasa mengawal diri dan perilaku berlandaskan undang-undang peraturan, prinsip dan nilai-nilai murni. Melaksanakan tanggungjawab dengan tekun dan taat tanpa penyeliaan yang rapi dan sentiasa menjaga imej diri, organisasi, perkhidmatan dan Negara di kaca mata masyarakat

Bijaksana

Sentiasa berusaha melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara bijaksana berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi. Membuat pertimbangan dalam sesuatu tindakan serta membuat keputusan yang rasional berdasarkan fakta tertentu dengan mengambil kira kepentingan organisasi, perkhidmatan dan negara

Piagam Pelanggan

Kami warga MDKpr dengan penuh tekad dan iltizam berikrar dan berjanji memberikan perkhidmatan secara profesional, cemerlang dan berkualiti seperti yang berikut:

Bil.	Jenis Permohonan	Tempoh
Perkhidmatan Pembersihan Kawasan PBT		
1	Kutipan Sampah Domestik Bagi Kawasan Kediaman	3 kali seminggu
2	Kutipan Sampah Domestik Bagi Kawasan Bandar / Perniagaan	setiap hari
3	Kutipan Sampah Domestik Bagi Kawasan Industri.	3 kali seminggu
4	Pembersihan Longkang Jalan Utama	2 bulan sekali (ikut kontrak)
5	Pembersihan Longkang Jalan Sekunder	3 bulan sekali (ikut kontrak)
6	Pembersihan Longkang Jalan Minor	4 bulan sekali (ikut kontrak)
7	Pembersihan Longkang Jalan Protokol	1 kali sebulan (ikut kontrak)
8	Pemotongan Rumput Di Bahu Jalan Oleh Konsesi	2 kali sebulan (ikut kontrak)
9	Penyelenggaraan Kawasan Tanah Lapang	1 kali sebulan

Bil.	Jenis Permohonan	Tempoh
Cukai Taksiran		
1	Permohonan Bantahan Cukai Taksiran	60 hari bagi Majlis Daerah 90 hari MP dan MB
2	Hebahan Keputusan Selepas Mesyuarat Bantahan Cukai Taksiran	7 hari
3	Permohonan Pindah Milik Pegangan Bercukai	10 hari

Bil.	Jenis Permohonan	Tempoh
Pembangunan		
1	Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan	50 hari hingga 92 hari
2	Kebenaran Merancang: Pembangunan Skala Kecil:	42 hari hingga 98 hari (skala kecil)
	Kebenaran Merancang: Pembangunan Skala Sederhana:	57 Hari Hingga 99 Hari (skala sederhana)
3	Kekerapan Mesyuarat OSC	2 kali sebulan

Bil.	Jenis Permohonan	Tempoh
Sewaan Aset		
1	Permohonan Sewaan Dewan	3 hari
2	Permohonan Sewaan Padang	3 hari

Bil.	Jenis Permohonan	Tempoh
Lesen		
1	Pengeluaran Lesen Premis Perniagaan Yang Tidak Berisiko	1 hari
2	Permohonan Pengeluaran Lesen Papan Iklan Komersil (Billboard Sedia Ada)	1 hari
3	Permohonan Pengeluaran Lesen Premis Perniagaan Yang Berisiko	20 hari
4	Permohonan Pengeluaran Lesen Iklan Perniagaan	1 hari
5	Permohonan Pengeluaran Lesen Anjing	1 hari

Bil.	Jenis Permohonan	Tempoh
Khidmat Pelanggan		
1	Maklumbalas Terimaan Aduan Kepada Pengadu Melalui Sistem SISPAА	1 hari
2	Maklumbalas kepada pengadu mengenai status aduan (Hasil Siasatan / Tindakan Penyelesaian yang diambil)	14 hari
		15 min waktu biasa
3	Menyelesaikan Urusan Bayaran Di Kaunter	30 min waktu puncak (Jan, Feb, Julai, Ogos)

Nota:

Kelulusan Penyeragaman Piagam Pelanggan bagi seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Perak dalam Bengkel Semakan & Penyeragaman Piagam Pelanggan PBT Negeri Perak Darul Ridzuan pada 15 Mac 2021.

Resolusi Integriti

Bahawa kami anggota MDKpr
sesungguhnya bersetuju dengan resolusi-resolusi seperti berikut :-

1. Menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan dan pembayaran.
2. Memberi kesedaran, kefahaman dan penghayatan dalam aspek pengurusan kewangan dan perolehan kepada semua kakitangan.
3. Menubuhkan Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU) sebagai platform untuk menyampaikan apa-apa resolusi kepada pihak atasan untuk tindakan sewajarnya.
4. Memegang nilai-nilai murni dalam diri berteraskan kepada prinsip adil, amanah, benar, telus dan bersyukur.
5. Bekerja dengan ikhlas dan jujur berpandukan kepada sistem, prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan.
6. Menjunjung prinsip keperibadian murni dan memikul amanah kepada Tuhan, diri sendiri, organisasi, jabatan dan pelanggan.
7. Menyemai dan memegang AKU JANJI yang telah dilafazkan dengan sepenuh hati.

Pemeriksaan Imej Korporat

Penjenamaan Logo Inisiatif Kejiranan Hijau

Selaras dengan Program Pelan Transformasi PBT yang merupakan agenda terbaru Program Transformasi Kerajaan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Majlis Daerah Kampar telah menyelaraskan semula penjenamaan imej korporat di Majlis Daerah Kampar (MDKpr)


Antara penjenamaan semula tersebut adalah penciptaan Logo 7 Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau yang telah dihasilkan dengan kerjasama strategik bersama *Ngdawiyah's Gesture Drawing Team* daripada *People of Remarkable Talent (P.O.R.T)*, Ipoh. Ianya telah dilancarkan secara rasmi ketika Hari Terbuka MDKpr pada 31.05.2016. Logo ini telah diguna pakai dengan meluas dalam semua penerbitan dan program yang dijalankan oleh pihak majlis bagi tujuan promosi.



SIMBOLIK KEPADA WARNA

Orange	BERINGAT
Blue	BERSATU
Yellow	PEKA / KETUA
Green	SUBUR
Purple	BIJAK
Red	SEMANGAT
White	BERSIH

VISUAL LOGO



Logo – Inisiatif Kejiranan Hijau Mdkpr

Cetusan Idea yang diekstrak dengan menggunakan teknik 'gesture drawing' daripada gabungan sebatang pokok beserta barangan yang biasa dibuang dan dikitar semula. Ditambah dengan kesinambungan warna-warna korporat telah berjaya mencetus sebuah LOGO yang mempamerkan KEMATANGAN dan sifat KETERBUKAAN MDKpr

Simbolik Kepada Pokok

Sebatang pokok – menghijau (tanda kehidupan sesuatu tempat) teguh, kukuh berdiri dengan akar-akar yang memasak bumi. Melindungi bagai sebuah payung yang memberi perlindungan kepada kehidupan. Bermula dari proses tumbesaran, beroksigen, berdaun, berbunga, berbuah, kembali ke sebatang kayu yang mereput dan menjadi baja.

Bersifat kekeluargaan – Batang pokok ibarat KETUA yang berdiri teguh dan akar-akar yang pelbagai saiz memasak ke bumi ibarat kumpulan KAKITANGAN yang bekerjasama menyokong batang pokok untuk berdiri kukuh.

Warna-warna Korporat MDKpr digarap dan diadun bersama-sama LOGO KITAR SEMULA MDKPR serta dimantapkan lagi dengan terjemahan / simbolik bagi setiap warna.

Kenapa Pokok Menjadi Ilham Logo Kitar Semula ?

Watak POKOK itu sendiri bersifat kitar semula bermula proses tumbesaran sehingga ia mati. Konsep inilah yang diserapkan ke dalam LOGO KITAR SEMULA MDKpr. Barangan yang terpakai dikitar akan menjadi berguna dan memberi manfaat kepada kehidupan.

Pencapaian Majlis Daerah Kampar 2022

Peringkat Antarabangsa

01

Penyertaan dalam 2022 ASEAN-ROK XR Professional Training Program di Busan, Korea pada 28 November sehingga 2 Disember 2022.



Peringkat Kebangsaan

01

Pencapaian 5 Bintang dengan 96.67% markah dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2022 anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 13 Jun 2022.



02

Pengiktirafan 20 Bandar Paling Berdaya Huni Tahun 2021 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui PLANMalaysia di Hotel Zenith, Putrajaya pada 18 Ogos 2022 yang disampaikan oleh YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



Pencapaian:

10 PBT Berdaya Huni Tahap Tertinggi Tahun 2021 (Kedudukan ke -6)

Pertandingan Pengiktirafan Tandas Awam Bersih (PTAB) Peringkat Kebangsaan Tahun 2021 bagi kategori Pihak Berkuasa Tempatan (Daerah).

03

Pencapaian: Johan



04

Pengiktirafan di dalam Majlis Anugerah Malaysian Society for Occupational Safety and Health (MSOSH) ke-40 yang diadakan di Sunway Resort & Spa Petaling Jaya, Selangor pada 21 Disember 2022.

Pencapaian: MSOSH OSH GOLD CLASS 1 AWARD WINNER FOR 2022



05

Pengiktirafan Sijil ISO 9001 : 2015 Majlis Daerah Kampar bagi kategori Kelulusan Pelan – Pelan Cadangan Pemajuan Merangkumi Kebenaran Merancang, Pelan Pinta Ukur, Pelan Bangunan, Permit Korekan Jalan, Pelan Landskap dan Pelan – Pelan Lain Berkaitan Pembangunan ; Pindaan Senarai Nilai ; Perlesenan Perniagaan dan Iklan Tidak Berisiko ; Sewaan Khemah, Padang dan Bangunan Termasuk Dewan Bandaran Kampar ; Penguatkuasaan ; Penyediaan Dokumen Saman ; Penyediaan Dokumen Perjanjian Majlis ; Kutipan Sisa Domestik ; Perbendaharaan dan Pentadbiran Am pada 6 Mac 2022.



06

Pensijilan Semula ISO 45001 : 2018 bagi Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja ISO 45001 : 2018 oleh NIOSH Certification pada 16 dan 17 Jun 2022.



Penyertaan dalam Pertandingan Inovasi Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) 2.0 Piala YB Menteri Kerajaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) oleh Kumpulan Inovasi MDKpr :

07

Nama Kumpulan : 1-STEP

Nama Projek : Kadar Kutipan Tipping Fee yang Rendah di Tapak Pelupusan Majlis Daerah Kampar



08

Pengiktirafan di dalam Program Pengukuran Bandar Mampan Malaysia melalui MURNInets sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2022 pada 8 November 2022.

Pencapaian: Bandar Mampan Terbaik 2022





Pencapaian: Tempat Ketiga

Penyertaan dalam Pertandingan Keceriaan Hari Kebangsaan bagi Kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2022 Peringkat Negeri Perak pada 31 Ogos 2022 di Perkarangan Stesen Keretapi (KTMB) Ipoh. Pertandingan ini dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Negeri Perak. Penyampaian hadiah tersebut telah disempurnakan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

Penyertaan dalam Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu sempena Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak Tahun 2022 oleh Kumpulan KIK MDKpr :

Nama Kumpulan : Mind Power

Nama Projek : Garisan Tempat Letak Kereta yang Tidak Disediakan dan Diselenggara dengan Sempurna di Kawasan Majlis Daerah Kampar

Pencapaian : Naib Johan



Nama Kumpulan : M1-STEP
Nama Projek : Kadar Kutipan Tipping Fee yang Rendah di Tapak Pelupusan Majlis Daerah Kampar
Pencapaian : Naib Johan



Penyertaan dalam Pertandingan Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat & Komunikasi sempena Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak Tahun 2022 oleh Kumpulan AIIC TMDKpr :

03

Nama Kumpulan : D'POiNT
Nama Projek : Kampar Mobile Maps
Pencapaian : Naib Johan



04

Jemputan Pempamer sempena Program Pembudayaan Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2022 pada 17 Ogos 2022 di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.



Penyertaan dalam Pertandingan Mencipta Tema Hari Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Perak Tahun 2022. Pihak MDKpr telah menghantar sebanyak 14 Borang Penyertaan secara serahan tangan dan melalui emel kepada Urus Setia Pertandingan Mencipta Tema Hari Inovasi Tahun 2022 pada 30 Jun 2022 di Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.

05



Pencapaian:

Puan Siti Nadhirah binti Ismail selaku Pembantu Penilaian W19 dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah terpilih sebagai Pemenang bagi Pertandingan Mencipta Tema Hari Inovasi Perkhidmatan Awam dengan Tema Inovasi "Semarak Inovasi Menggarap Infiniti".

06

Jemputan sebagai Penceramah Sempena Bengkel Pembudayaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kolej Vokasional Perak di Institut Perguruan Guru, Kampus Ipoh pada 29 September 2022.



Penyertaan dalam Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) Antara Pihak Berkuasa Tempatan sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak di Aeon Falim, Ipoh pada 29 Oktober 2022.

07

Pencapaian: Tempat Ketiga bagi Kategori Penganjur Bilangan Program Pengumpulan E-Waste Terbanyak



08

Pengiktirafan di dalam Bandar Paling Berdaya Huni 2021 bagi Pengukuran Indeks Berdaya Huni Malaysia (iDAM) sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Perak Tahun 2022 pada 1 November 2022.

Pencapaian:

Bandar Berdaya Huni Tahap Tertinggi



Jemputan Pempamer sempena Program Hari Inovasi & Kreativiti DBKL 2022 : 'Creativity Is Intelligence Having Fun' pada 29 hingga 30 November 2022 di Dewan Mestika, Institut Latihan DBKL Kuala Lumpur.

09



Senarai Ahli Majlis 2022



1. Encik Rafidi bin Mohd Razali
2. Encik Nor Ramli bin Mat Noordin
3. Puan Zaleha binti Mohd Said
4. Encik Mohd Firdaus bin Mohamad Annuar
5. Encik Muhammad Azhar bin Mohamad Yusop
6. Puan Norhayati binti Alias
7. Encik Khairol bin Abu Bakar
8. Cik Sharini binti Mior Zuraidi
9. Encik Mohamad Adli bin Mohd Tahiruddin
10. Encik Balaratnam a/l Rakayeh
11. Encik Subramaniam a/l Thirupathy
12. Cik Chang Chiew Yee
13. Puan Ng Wah Leng
14. Encik Nga Sean Eang
15. Encik Mohd Zaini bin Abdul Ghani
16. Encik Mohd Zahari bin Md Ariffin
17. Encik Pazli bin Abdullah Sani
18. Puan Jamilah binti Osman
19. Encik Effendydeen bin Zainal Abidin
20. Encik Amir Shapudin bin Samion
21. Encik Mohd Sofian bin Rejab
22. Encik Khairul Alimi bin Kamarul Hailan
23. Puan Halimatun binti Abd Wahab
24. Encik Ganeson a/l Munusamy

Ahli Jawatankuasa Mesyuarat 2022

Jawatankuasa Pelantikan & Kenaikan Pangkat Anggota

1. Encik Rafidi bin Mohd Razali
2. Encik Mohd Zaini bin Abdul Ghani

Jawatankuasa Tatatertib (Kumpulan Pengurusan & Profesional)

1. Puan Jamilah binti Osman
2. Puan Zaleha binti Mohd Said

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib (Kumpulan Pengurusan & Profesional)

1. Encik Rafidi bin Mohd Razali
2. Encik Mohd Zaini bin Abdul Ghani

Jawatankuasa Tatatertib (Kumpulan Sokongan I & Sokongan II)

1. Encik Mohd Firdaous binti Mohamad
2. Encik Effendydeen bin Zainal Abidin

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib (Kumpulan Sokongan I & Sokongan II)

1. Puan Zaleha binti Mohd Said
2. Encik Khairul Alimi bin Kamarul Hailan

Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran

1. Encik Muhammad Azhar bin Mohamad Yusop
2. Encik Khairol bin Abu Bakar
3. Puan Norhayati binti Alias
4. Cik Chang Chiew Yee
5. Encik Nga Sean Eang
6. Encik Subramaniam a/l Thirupathy
7. Encik Pazli bin Abdullah Sani
8. Encik Ganeson a/l Munusamy

Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)

1. Encik Mohd Firdaous b Mohamad Annuar
2. Encik Balaratnam a/l Rakayeh
3. Encik Mohd Zahari bin Md Ariffin
4. Puan Halimatun binti Abd Wahab

Jawatankuasa Pembangunan Komuniti & Pelancongan

1. Encik Nor Ramli bin Mat Noordin
2. Encik Mohd Firdaous bin Mohamad Annuar
3. Encik Khairol bin Abu Bakar
4. Cik Sharini bin Mior Zuraidi
5. Encik Mohamad Adli bin Mohd Tahiruddin
6. Puan Norhayati binti Alias
7. Cik Chang Chiew Yee
8. Encik Subramaniam a/l Thirupathy
9. Encik Mohd Zahari bin Md Ariffin
10. Encik Pazli bin Abdullah Sani
11. Encik Mohd Sofian bin Rejab
12. Puan Halimatun bin Abd Wahab

Jawatankuasa Tujuan-Tujuan Am

1. Encik Rafidi bin Mohd Razali
2. Encik Nor Ramli bin Mat Noordin
3. Puan Zaleha binti Mohd Said
4. Encik Mohd Firdaus bin Mohamad Annuar
5. Encik Muhammad Azhar bin Mohamad Yusop
6. Puan Norhayati binti Alias
7. Encik Khairol bin Abu Bakar
8. Cik Sharini binti Mior Zuraidi
9. Encik Mohamad Adli bin Mohd Tahiruddin
10. Encik Balaratnam a/l Rakayah
11. Encik Subramaniam a/l Thirupathy
12. Cik Chang Chiew Yee
13. Puan Ng Wah Leng
14. Encik Nga Sean Eang
15. Encik Mohd Zaini bin Abdul Ghani
16. Encik Mohd Zahari bin Md Ariffin
17. Encik Pazli bin Abdullah Sani
18. Puan Jamilah binti Osman
19. Encik Effendydeen bin Zainal Abidin
20. Encik Amir Shapudin bin Samion
21. Encik Mohd Sofian bin Rejab
22. Encik Khairul Alimi bin Kamarul Hailan
23. Puan Halimatun binti Abd Wahab
24. Encik Ganeson a/l Munusamy

Jawatankuasa Teknikal Perkhidmatan Bandar, Landskap & Aduan Awam

1. Encik Rafidi bin Mohd Razali
2. Encik Nor Ramli bin Mat Noordin
3. Puan Zaleha binti Mohd Said
4. Encik Mohd Firdaus bin Mohamad Annuar
5. Encik Muhammad Azhar bin Mohamad Yusop
6. Puan Norhayati binti Alias
7. Encik Khairol bin Abu Bakar
8. Cik Sharini binti Mior Zuraidi
9. Encik Mohamad Adli bin Mohd Tahiruddin
10. Encik Balaratnam a/l Rakayah
11. Encik Subramaniam a/l Thirupathy
12. Cik Chang Chiew Yee
13. Puan Ng Wah Leng
14. Encik Nga Sean Eang
15. Encik Mohd Zaini bin Abdul Ghani
16. Encik Mohd Zahari bin Md Ariffin
17. Encik Pazli bin Abdullah Sani
18. Puan Jamilah binti Osman
19. Encik Effendydeen bin Zainal Abidin
20. Encik Amir Shapudin bin Samion
21. Encik Mohd Sofian bin Rejab
22. Encik Khairul Alimi bin Kamarul Hailan
23. Puan Halimatun binti Abd Wahab
24. Encik Ganeson a/l Munusamy

Jawatankuasa Pelesenan & Penguatkuasaan

1. Encik Rafidi bin Mohd Razali
2. Puan Zaleha binti Mohd Said
3. Encik Muhammad Azhar bin Mohamad Yusop
4. Encik Balaratnam a/l Rakayeh
5. Puan Ng Wah Leng
6. Encik Nga Sean Eang
7. Encik Mohd Zaini bin Abdul Ghani
8. Puan Jamilah bin Osman
9. Encik Effendydeen bin Zainal Abidin
10. Encik Amir Shapudin bin Samion
11. Encik Khairul Alimi bin Kamarul Hailan
12. Encik Ganeson a/l Munusamy

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan, Taksiran & Penswastaaan

1. Encik Rafidi bin Mohd Razali
2. Encik Nor Ramli bin Mat Noordin
3. Puan Zaleha binti Mohd Said
4. Encik Mohd Firdaous bin Mohamad Annuar
5. Encik Muhammad Azhar bin Mohamad Yusop
6. Puan Norhayati binti Alias
7. Encik Khairol bin Abu Bakar
8. Cik Sharini binti Mior Zuraidi
9. Encik Mohamad Adli bin Mohd Tahiruddin
10. Encik Balaratnam a/l Rakayeh
11. Encik Subramaniam a/l Thirupathy
12. Cik Chang Chiew Yee
13. Puan Ng Wah Leng
14. Encik Nga Sean Eang
15. Encik Mohd Zaini bin Abdul Ghani
16. Encik Mohd Zahari bin Md Ariffin
17. Encik Pazli bin Abdullah Sani
18. Puan Jamilah binti Osman
19. Encik Effendydeen bin Zainal Abidin
20. Encik Amir Shapudin bin Samion
21. Encik Mohd Sofian bin Rejab
22. Encik Khairul Alimi bin Kamarul Hailan
23. Puan Halimatun binti Abd Wahab
24. Encik Ganeson a/l Munusamy





Pejabat Yang Dipertua



PEJABAT YANG DIPERTUA

Bertanggungjawab menguruskan hal ehwal Yang Dipertua, Setiausaha dan Ahli Majlis, hal-hal yang berkaitan Majlis Angkat Sumpah Yang Dipertua dan Ahli Majlis, mengawal selia takwim/jadual mesyuarat MDKpr dan lain-lain mesyuarat jabatan, menjawab panggilan dan melayani tetamu bagi pihak Yang Dipertua dan Setiausaha serta menguruskan dokumen yang dihantar dan diterima melalui faks.

OBJEKTIF

Memberikan perkhidmatan secara profesional dan berintegriti dalam hal Ehwal Yang Dipertua, Setiausaha dan Ahli-Ahli Majlis ke arah melancarkan pengurusan dan tadbir urus.





Laporan Mesyuarat yang Dipantau bagi Tahun 2022

Bil	Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat												
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogs	Sep	Okt	Nov	Dis	Kekerapan
1	Penuh	27	23	24	20	-	29	15	26	21	21	29	21	12/12
2	Tujuan -Tujuan Am	7	11	17	12	-	24	9	12	8	7	17	8	12/12
3	Pengurusan	12	17	18	14	15	12	6	19	19	11	18	20	12/12
4	Majlis Bersama Jabatan (Mbj)	13.1.2022				7.7.2022				5.10.2022				3/12
5	Jk Pengurusan Aset Alih Kerajaan	13.1.2022			2.4.2022			14.7.2022			8.10.2022			4/12
6	Jk Pengurusan Kewangan & Akaun	13.1.2022			2.4.2022			14.7.2022			8.10.2022			4/12
7	Jk Audit Dalam	13.1.2022			22.4.2022			14.7.2022			17.11.2022			4/12



Bandar Agacia



Unit Pusat Setempat



UNIT PUSAT SETEMPAT


- Menerima, memproses dan memberi khidmat nasihat berkaitan permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kerja Tanah dan Pelan Landskap dari permohonan berpandukan senarai semak yang digunapakai.
- Bertindak sebagai urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat.
- Mengedarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa kepada Pentadbir Tanah bagi permohonan Seksyen 124A dan 204D KTN.
- Mengedarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa kepada pemohon permohonan cadangan.
- Menyelaras edaran keputusan rasmi kelulusan cadangan pemajuan oleh jabatan berperaku.
- Menyediakan kertas pemakluman perakuan kelulusan cadangan pemajuan untuk dibawa ke Mesyuarat Penuh PBT.
- Mengemaskini rekod di dalam portal rasmi OSC dan pelaporan yang berkaitan kepada Kerajaan Negeri atau Jabatan Kerajaan Tempatan.

Objektif

- Menyelaras dan mempercepatkan proses kelulusan permohonan pembangunan tanah yang meliputi permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan dan pelan-pelan lain;
- Memendekkan norma masa dan memudahcara proses permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan dan perakuan permohonan pembangunan tanah
- Menyeragam prosedur dan proses permohonan-permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan dan permohonan pembangunan tanah dengan mengambilkira peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 172) dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 (Akta 133).


Status Permohonan Cadangan Pemajuan Melalui Osc

Statistik Jumlah Permohonan 2007-2022



Graf 1.1: Jumlah permohonan bagi tahun 2007 hingga 2022 yang telah didaftarkan di Portal OSC

Statistik Mengikut Jenis Permohonan dari 2007 sehingga 2021




Graf 1.2: Kategori Permohonan yang diterima dari tahun 2007 hingga tahun 2022

Perlaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (Osc) Tahun 2022

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) diadakan dua (2) kali sebulan yang dipengerusikan oleh Yang DiPertua Majlis Daerah Kampar. Jawatankuasa Mesyuarat OSC bertanggungjawab untuk membuat keputusan terhadap permohonan-permohonan pembangunan tanah dan keputusan tersebut akan dimaklumkan ke Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Penuh. Jawatankuasa ini dianggotai oleh :-

Keahlian Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)	
Pengerusi	Yang Dipertua Majlis
Timbalan Pengerusi	Setiausaha
Setiausaha	Pegawai Perancang Bandar & Desa (OSC)
Ahli	PLANMalaysia
	Pentadbir Tanah Daerah
	Jabatan Kerja Raya
	Jabatan Pengairan dan Saliran
	Jabatan Alam Sekitar
	Lembaga Air Perak
	Tenaga Nasional Berhad
	Jabatan Bomba dan Penyelamat
	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)
	Jabatan Mineral dan Geosains
	Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.
	Lembaga Perumahan & Hartanah Perak
	4 Orang Ahli Majlis
6 Orang Wakil daripada Jabatan Teknikal Dalaman	

KEHADIRAN ATL MJOSC 2022



Pada tahun 2022 Mesyuarat Jawatankuasa OSC telah bersidang sebanyak 24 kali dalam kekerapan 2 kali sebulan. Sepanjang tahun 2022 Mesyuarat Jawatankuasa OSC telah meneruskan mesyuarat secara sidang video menggunakan platform Google Meet dan juga kehadiran secara bersemuka bagi yang berkehendak dalam menyempurnakan kehadiran semasa mesyuarat.

Bulan	Bilangan Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
Januari	1/2022	06 Januari 2022
	2/2022	21 Januari 2022
Februari	3/2022	04 Februari 2022
	4/2022	18 Februari 2022
Mac	5/2022	03 Mac 2022
	6/2022	18 Mac 2022
April	7/2022	04 April 2022
	8/2022	20 April 2022
Mei	9/2022	13 Mei 2022
	10/2022	26 Mei 2022
Jun	11/2022	08 Jun 2022
	12/2022	24 Jun 2022
Julai	13/2022	08 Julai 2022
	14/2022	22 Julai 2022
Ogos	15/2022	05 Ogos 2022
	16/2022	19 Ogos 2022
September	17/2022	07 September 2022
	18/2022	22 September 2022
Oktober	19/2022	06 Oktober 2022
	20/2022	20 Oktober 2022
November	21/2022	02 November 2022
	22/2022	23 November 2022
Disember	23/2022	07 Disember 2022
	24/2022	23 Disember 2022

Perlaksanaan Sistem Osc 3.0 Plus Online



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan inisiatif dalam Strategi Memperkasakan Penyampaian Perkhidmatan PBT Menerusi Penggunaan ICT. OSC 3.0 Plus Online adalah satu sistem yang dibangunkan bertujuan membantu pihak Principal Submitting Person (PSP) / Submitting Person (SP) untuk mengemukakan permohonan pelan pemajuan secara atas talian, bayaran melalui online dan membolehkan agensi teknikal mengulas permohonan secara maya serta seterusnya keputusan diperolehi melalui sistem ini.

Unit Pusat Setempat Majlis Daerah Kampar telah melaksanakan Sistem Permohonan Atas Talian (OSC 3 Plus) sepenuhnya berkuatkuasa 11 November 2020. Sistem ini membolehkan pemohon iaitu para profesional untuk mengemukakan cadangan pemajuan, semakan status permohonan dan membuat pindaan ke atas permohonan secara atas talian sebelum serahan lengkap ke kaunter OSC.

Pengguna OSC online terdiri daripada pihak PBT, Agensi Teknikal Luaran, Principle Submitting Person (PSP), Pemilik projek dan orang awam. Sistem OSC 3 Plus ini membolehkan PSP/SP mengemukakan permohonan cadangan pemajuan 24 jam 7 hari (24/7) pada bila-bila masa dan dari mana-mana tempat. Bagi tempoh Januari-Disember 2021, sebanyak 213 permohonan telah diterima dan lengkap telah diterima hardcopy serta diproses yang meliputi Permohonan Serentak, Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Pelan Kejuruteraan serta pelan-pelan lain berkaitan.

Pendepositan CCC

Bil	Permohonan	Tarikh Lawatan (G17)	Tarikh Perakuan (G17)	Tarikh Pendepositan (P6)
1	Permohonan Pelan Bangunan Bagi Cadangan Pindaan Pelan Bangunan Yang Telah Diluluskan MDKpr(OSC)(MD)6/2011 Untuk 74 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Di Atas Lot Besar 10803 (PT 17308 - PT 17381) Mukim Kampar Daerah Kampar, Perak Untuk Tetuan Taiping Kampar Development Sdn. Bhd. - Fasa 2 Bagi 27 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Di Atas PT 17308 Hingga PT 17334	PraLawatan : 15.02.2022 Lawatan Akhir (P5) : 24.03.2022	30.03.2022	07.04.2022

Bil	Permohonan	Tarikh Lawatan (G17)	Tarikh Perakuan (G17)	Tarikh Pendepositan (P6)
2	Cadangan Membina 24 Unit Rumah Teres Setingkat Di Atas PT 17382 Hingga PT 17405, Mukim Kampar, Daerah Kinta, Perak Untuk Tetuan Taiping Kampar Development . - Fasa 2 Bagi 17 Unit Rumah Teres Setingkat Di Atas PT 17389 Hingga PT 17405	PraLawatan : 15.02.2022 Lawatan Akhir (P5) 24.03.2022	30.03.2022	07.04.2022
3	Cadangan Pindaan & Tambahan Ke Atas Pelan Yang Telah Diluluskan Kepada Fail No.Mdkpr(Osc)(G)17/2011 Bagi 2 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Di Atas Lot 305449 Dan Lot 305450 (Jenis A), 54 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Kepada Setingkat Di Atas Lot 305425 Hingga Lot 305437, Lot 305438 Hingga Lot 305448 Dan Lot 305451 Hingga Lot 305480 (Jenis B) Dan 4 Unit Rumah Kediaman Setingkat Di Atas Lot 305481 Hingga 305484 (Jenis C) Di Jalan Pelangi, Taman Desa Lawan Kuda 3, Gopeng, Mukim Teja, Daerah Kampar, Perak Darul Ridzuan. Untuk Tetuan : Tribull Ventures Sdn. Bhd	PraLawatan : 8.03.2022 Lawatan Akhir (P5)	20.4.2022	21.4.2022
